



Rujukan kami : PMTG.PP.600-1/1/5.Jld 5(8)
Tarikh : 05 Julai 2023

Saudara/i,

JEMPUTAN KE MAJLIS KONVOKESYEN KE-5 POLITEKNIK METRO TASEK GELUGOR (PMTG) BAGI TAHUN 2023

Dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa pihak PMTG merakamkan setinggi-tinggi ucapan tahniah dan penghargaan di atas kejayaan para graduan. Sehubungan dengan itu, para graduan dijemput untuk menghadiri Majlis Konvokesyen Ke-5 PMTG bagi Tahun 2023 yang akan diadakan pada ketetapan berikut:

Tarikh : 29 Ogos 2023 (Selasa)
Masa : 7.30 Pagi
Tempat : Ixora Hotel, Pulau Pinang

3. Para graduan hendaklah melengkapkan maklumat berikut di laman sesawang PMTG (<https://www.pmtg.edu.my/info-konvokesyen/>):

- i. Pengesahan kehadiran
- ii. Pemilihan saiz jubah
- iii. Muatnaik salinan slip pembayaran (resit)
- iv. Kemaskini alamat terkini
- v. Kemaskini status pekerjaan
- vi. Gambar graduan berukuran passport

4. Makluman pembayaran yuran konvokesyen adalah seperti di bawah:

4.1 Yuran konvokesyen bagi graduan yang **HADIR** adalah **RM290.00**. Manakala bagi yang **TIDAK HADIR** yuran adalah **RM230.00**.

4.2 Yuran konvokesyen dibayar atas nama **KOPERASI POLITEKNIK METRO TASEK GELUGOR** :

Nama Bank: Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB)
Nombor Akaun: 07052010012230

5. Tarikh akhir pengesahan kehadiran graduan adalah pada **31 Julai 2023 (Isnin)**. Sebarang rayuan selepas tarikh tersebut tidak akan dilayan.

6. Para graduan **DIWAJIBKAN** hadir pada sesi **pra pendaftaran** dan **pengambilan jubah** seperti butiran berikut:

Tarikh : 28 Ogos 2023 (Isnin)

Masa : 9.00 Pagi

Tempat : Bilik Seminar, Politeknik METrO Tasek Gelugor

7. Para graduan perlu merujuk **e-Buku Panduan Majlis Konvokesyen PMTG** yang boleh di capai di laman sesawang rasmi PMTG. Para graduan wajib merujuk panduan ini untuk mengetahui tatacara menghadiri konvokesyen.

8. Satu (1) keping pas masuk ke dewan konvokesyen akan diberikan semasa pra pendaftaran graduan untuk kebenaran masuk bagi dua (2) orang waris sahaja. Kanak-kanak berumur bawah 12 tahun tidak dibenarkan masuk.


9. Pihak PMTG mengalu-alukan kehadiran para graduan pada Majlis Konvokesyen Ke-5 PMTG ini. Sebarang pertanyaan lanjut sila hubungi **Pn. Sa'amah binti Hassan** atau **Pn. Sharizan binti Abdul Jamil** di talian **04-5732789**.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



(Ts. KHAIRUL ANUAR BIN ISHAK)

Pengarah

Politeknik METrO Tasek Gelugor

Pulau Pinang